

Headline	TH umum tiga lantikan baharu perkukuh pentadbiran kewangan dan pelaburan		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	26 Feb 2020	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	31,034
Page No	10	Readership	93,102
Language	Malay	ArticleSize	214 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 798
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,394



TH umum tiga lantikan baharu perkukuh pentadbiran kewangan dan pelaburan

KUALA LUMPUR: Lemba Tabung Haji (TH) semalam mengumumkan tiga lantikan baharu pengurusan kanan institusi itu dalam usaha mengukuhkan lagi pentadbiran kewangan dan pelaburannya.

Dalam satu kenyataan, TH berkata Datuk Merina Abu Tahir dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan berkuat kuasa pada 5 Februari lepas, Mohamad Damshal Awang Damit sebagai Ketua Pegawai Pelaburan (berkuat kuasa pada 20 Jan, 2020) manakala Muhammad Fawwaz Aminuddin sebagai Pengurus Besar Pelaburan Strategik (berkuat kuasa pada 11 Feb, 2020).

Merina merupakan Ahli Majlis MIA pada Disember 2016 hingga November 2019, beliau

Persatuan Aktaun Ber-tauliah Berkanun (ACCA), Institut Aktaun Awam Ber-tauliah Malaysia (MICPA), Aktaun Profesional Ber-tauliah ASEAN (ASEAN CPA) dan Institut Juruaudit Dalamna Malaysia (IIAM).

“Merina mempunyai pengalaman lebih daripada 30 tahun bekerja di pelbagai syarikat tempatan dan antarabangsa termasuk multinasional, institusi kewangan dan amalan audit serta berpengalaman luas dalam pengurusan umum, kewangan, komersial, pembangunan perniagaan, dan audit dalaman serta luaran.

Selain pernah dilantik sebagai ahli Majlis MIA pada Disember 2016 hingga November 2019, beliau

jug merupakan mantan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat ACCA Malaysia,” kata kenyataan itu.

Mohamad Damshal pula merupakan lulusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari University of Toledo, Ohio, Amerika Syarikat dan adalah pemegang charter sebagai Penganalisis Kewangan Bertauliah (CFA).

Sebelum menyertai se-mula TH, Mohamad Damshal merupakan Ketua Pelaburan Ekuiti dan Pendapatan Tetap di Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Malaysia.

Beliau juga mempunyai pengalaman kerja lebih dari 26 tahun dalam bidang seperti pengurusan pelaburan domestik dan luar negara, analisa kredit serta kawalselia-

risiko termasuk pernah bertugas sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di syarikat dana pelaburan komersial.

Selain itu, beliau pernah berkhidmat di TH dari 1999 sehingga 2003 di bahagian perancangan korporat dan pernah mengetui pengurusan portfolio pelaburan pendapatan tetap.

Sementara itu, Muhammad Fawwaz yang merupakan pemegang CFA dari CFA Institute dan Aktaun Ber-tauliah (ACA) Institute of Chartered Accountants di England & Wales (ICAEW),

dilantik sebagai Pengurus Besar Pelaburan Strategik bagi meningkatkan potensi pelaburan aset strategik TH.

“Beliau berpengalaman luas dalam pengurusan

strategi pelaburan dengan pengkhususan dalam perancangan strategik, pembangunan organisasi, penstrukturran transaksi, kewangan korporat, pengurusan projek, penilaian pelaburan serta pembangunan perniagaan.

“Malah, beliau pernah berkhidmat sebagai juruaudit di Deloitte United Kingdom sebelum menyertai Price-waterhouseCoopers (PwC) Malaysia sebagai perunding korporat,” kata kenyataan itu.

Sebelum menyertai TH, Muhammad Fawwaz berkhidmat sebagai Pengurus Besar di UMW Group dan menjadi sebahagian daripada pengurusan kanan beberapa buah syarikat di Timur Tengah. — Bernama